

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATO' DR. HAJI NOOR AZMI BIN GHAZALI  
[ BAGAN SERAI ]**

**TARIKH : 2 APRIL 2019 (SELASA)**

**SOALAN NO. 73**

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah cadangan untuk mewujudkan lapangan terbang di Parlimen Bagan Serai dalam daerah Kerian Perak untuk menampung aktiviti Lapangan Terbang Pulau Pinang yang sangat padat demi meningkatkan kemajuan ekonomi Malaysia utara akan dilaksanakan oleh Kerajaan Pakatan Harapan.

**JAWAPAN**

Yang DiPertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, buat masa ini Kerajaan tidak mempunyai sebarang perancangan untuk membina sebuah Lapangan Terbang baharu di Bagan Serai, Perak. Kerajaan juga tidak pernah menerima sebarang cadangan untuk pembangunan lapangan terbang tersebut.
  
2. Kerajaan mengambil pendekatan bersifat terbuka dalam sebarang cadangan daripada Kerajaan Negeri mahupun syarikat swasta untuk membantu merancakkan ekonomi negara termasuk cadangan untuk membina lapangan terbang baharu di Bagan Serai. Pendirian Kerajaan adalah untuk menyokong pertumbuhan industri pelancongan di Perak. Sehubungan itu, adalah wajar sebarang cadangan berhubung pembinaan lapangan terbang ini dikemukakan kepada Kementerian Pengangkutan untuk pertimbangan selanjutnya.

Sekian, terima kasih.